

M/S 10 14

# Bayi 8 bulan mati disyaki didera

## Polis tahan pengasuh bantu siasatan

WAN NOR ROSIDA WAN HAMAD

KUALA LUMPUR – Seorang bayi lelaki berumur lapan bulan meninggal dunia di Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) selepas dilaporkan tidak sedarkan diri oleh pengasuhnya di USJ, Subang Jaya, dekat sini, Jumaat lalu.

Mohamad Rayyan Afzani-zan dibawa ke sebuah klinik oleh pengasuhnya sebelum dibawa ke Unit Kecemasan PPUM apabila keadaannya kritikal.

Doktor yang merawatnya membuat laporan polis apabila mengesyaki bayi itu mungkin didera.

Sehubungan itu, pengasuh berumur 40-an, yang juga jiran ibu bapa mangsa, direman enam hari, mulai semalam, untuk membantu siasatan polis.

Ketua Polis Daerah Subang Jaya, Asisten Komisio-



● Ibu mangsa ditenangkan ahli keluarga ketika menunggu proses bedah siasat dijalankan di PPUM, Kuala Lumpur, semalam.

ner Zainal Rasyid Abu Bakar berkata, pengasuh itu menghantar bayi berkenaan ke sebuah klinik kira-kira jam 7 malam, Jumaat lalu, setelah mendapati mangsa tidak sedarkan diri.

"Bayi itu dibawa ke PPUM tetapi meninggal dunia kira-kira jam 8 malam keesokan harinya.

"Sejurus menerima laporan daripada doktor, polis me-

nahan pengasuh berkenaan di rumahnya," katanya.

Katanya, pengasuh berkenaan mengasuh bayi itu sejak kira-kira dua minggu lalu.

"Buat masa ini, kita syak mangsa didera tetapi tindakan selanjutnya bergantung kepada keputusan bedah siasat yang akan diketahui dalam masa terdekat," katanya.